

NO. SOALAN :169

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM (BANDAR TUN RAZAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.06.2014

YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim (Bandar TunRazak) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan Kerajaan Persekutuan menggantung serta merta pelaksanaan GST yang dijangka serentak dengan kelansungan program rasionalisasi subsidi dan kenaikan kadar faedah menyebabkan lonjakan mendadak kos sara hidup, melambatkan proses mengurangkan hutang isi rumah dan merencat pertumbuhan ekonomi mampan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Pelaksanaan GST seperti yang telah diumumkan dalam Bajet 2014 adalah merupakan satu langkah dalam memperkukuhkan kedudukan fiskal negara bagi tempoh jangka panjang. Kerajaan juga akan memastikan

rasionalisasi subsidi dibuat secara berperingkat dan keperluan golongan berpendapatan rendah dan sederhana diambilkira.

Dengan adanya GST, hasrat untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi akan dapat dicapai. Walaupun terdapat pelbagai halangan seperti tentangan sesetengah pihak yang tidak faham akan GST ataupun berlakunya kenaikan inflasi melebihi tahap yang diramalkan, GST tetap akan dilaksanakan. Namun begitu, Kerajaan akan memastikan GST tidak menambahkan lagi beban yang ditanggung oleh orang ramai.

Sekiranya GST tidak dilaksanakan seperti yang telah dirancang, ianya akan memberi gambaran yang negatif kepada Kerajaan. Kerajaan dilihat tidak bersungguh-sungguh untuk mempunyai satu sistem percukaian yang efisien, telus dan mesra peniaga dan boleh membantutkan hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Negara akan ketinggalan dalam persaingan ekonomi yang semakin sengit di peringkat antarabangsa. Selain itu, langkah ini akan menyebabkan kerugian yang besar kepada peniaga kerana mereka telah membuat pelaburan sebagai persiapan melaksanakan GST. Pelaburan ke atas latihan, pembelian peralatan, khidmat nasihat dan sebagainya akan menjadi sia-sia di samping merugikan masa yang telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Di peringkat antarabangsa, ianya dilihat sebagai langkah kebelakang dan memberi isyarat yang tidak baik kepada pelabur asing ke atas polisi Kerajaan. Penarafan yang diberikan juga akan menurun dan memberi kesan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HENRY SUMAGONG
[LAWAS]**

TARIKH : 12 JUN 2014

RUJUKAN : 6871

SOALAN

Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Pejabat Imigresen check point (CIQ), di sempadan Sarawak dan Indonesia di Ba'kelalan dijalankan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pembinaan Pos dan Kwarters Imigresen Ba'kelalan, Sarawak telah dimohon kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM untuk dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) Rolling Plan ke-4 (RP-4) tahun 2015.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak EPU, JPM.